

NO. SOALAN : 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI  
SALLEH (KUANTAN)**

**TARIKH JAWAPAN : 06 MAC 2018**

**SOALAN**

**YB Puan Hajah Fuziah Binti Salleh minta MENTERI TENAGA,  
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan usaha kerajaan untuk menarik  
mana-mana syarikat yang mampu dan minat sama ada tempatan atau  
asing untuk melabur dalam projek penjanaan tenaga kuasa ombak.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

1. Kerajaan sentiasa komited untuk menerokai sumber-sumber tenaga boleh baharu atau TBB bagi meningkatkan TBB dalam penjanaan elektrik. Namun, dalam mengenalpasti sumber TBB yang harus diberikan tumpuan, faktor mampu bayar pengguna elektrik merupakan elemen penting yang perlu diambil kira. Kajian sedia ada menunjukkan bahawa, penuaian tenaga ombak melibatkan kos yang lebih tinggi berbanding tenaga daripada sumber biojisim, biogas, hidro, solar fotovolta dan geotermal yang merupakan sumber TBB yang sedang diberikan tumpuan oleh Kerajaan. Kos yang lebih tinggi bagi menjana kuasa ombak ini akan diterjemahkan menjadi kos bekalan atau tarif elektrik yang lebih tinggi kepada rakyat.
2. Namun demikian, Kerajaan sentiasa terbuka terhadap sebarang cadangan untuk menjadikan tenaga ombak sebagai sumber TBB pada masa hadapan sekiranya ia berdaya maju dan menawarkan kos yang tidak membebankan pengguna elektrik di negara ini.

Sekian, terima kasih.